

AS berdepan serangan demokrasi pelbagai arah

BERITA HARIAN 16/5/17

Washington: Bekas Pengarah Risikan Amerika Syarikat (AS), James Clapper memberi amaran, serangan pelbagai arah daripada Presiden Donald Trump dan Russia.

Clapper kelmarin melahirkan perasaan terkejutnya berhubung pemecatan serta merta Pengarah Biro Siasatan Persekutuan (FBI) James Comey, di tengah siasatan campur tangan Moscow dalam pilihan raya AS dan hubungan mungkin dengan kempen Trump.

Ketika Trump berusaha mencari pengganti Comey, pembuat dasar kedua-dua parti menggesanya mencari individu bukan ahli politik untuk tugas itu dan berkata beliau 'perlu membersihkan huru hara yang dicituskannya.'

"Saya fikir, dalam banyak cara,

institusi kita sedang diserang, kedua-duanya dari luaran dan berita besar di sini ialah campur tangan Russia dalam sistem pilihan raya kita. Saya juga berpendapat, institusi kita diserang dari dalam," katanya.

Berpunca daripada Trump

Apabila ditanya jika serangan dalam berpunca daripada Presiden Trump, Clapper menjawab ya.

Clapper mengeluarkan kenyataan susulan pemecatan tiba-tiba Comey minggu lalu, menarik kritikan keras kerana berlaku di tengah siasatan FBI terhadap campur tangan Russia dalam pilihan raya presiden 2016.

Beliau berkata, bapa pengasas AS mewujudkan tiga cabang kerajaan seimbang namun dengan Trump sebagai presiden, ia kini

semakin terhakis.

Rumah Putih bagaimanapun tidak mengeluarkan ulasan dan tiada wakilnya muncul dalam rancangan berita kelmarin, membiarkan Duta AS ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Nikki Haley, mempertahankan Trump.

"Presiden adalah CEO negara ini. Beliau boleh mengambil dan memecat sesiapa yang dikehendakinya," katanya.

Pembuat dasar kedua-dua parti mengutuk tindakan Rumah Putih mengelak menjelaskan pemecatan Comey dan tindakan Trump memberi amaran kepadanya menerusi Twitter supaya tidak bercakap kepada media bagi mengelak pendudukan rakaman perbualan rahsia keduanya.

AP

Saya fikir, dalam banyak cara, institusi kita sedang diserang, kedua-duanya dari luaran dan berita besar di sini ialah campur tangan Russia dalam sistem pilihan raya kita"

James Clapper,
Bekas Pengarah Risikan AS

